

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

STW331 - Undang-Undang Untuk Pekerja Sosial

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Jawab TIGA (3) soalan semuanya. Setiap soalan mempunyai markah yang sama iaitu 100 markah. Dari Bahagian A, soalan 1 mesti dijawab. Dari Bahagian B, pilih SATU (1) soalan dan kemudian dari Bahagian C, pilih SATU (1) lagi soalan.

BAHAGIAN A: Jawab Soalan 1 (WAJIB).

Soalan 1

Dalam artikel oleh Tan Sri Dato' Haji Mohamed Salleh bin Abas yang bertajuk, "Mengapa Belajar Undang-Undang" beliau telah nyatakan:

".....*Undang-undang mestilah dianggap sebagai suatu barang yang mesti sesuai dengan perasaan orang ramai dan mencerminkan persetujuan amnya..... Undang-undang mestilah dibawa dekat dengan orang ramai dan orang ramai mestilah tahu dan menghargai keadaan undang-undang oleh kerana mereka lah yang dikawal oleh undang-undang*"

(muka surat 103).

- (a) Bersetujukah anda dengan pandangan beliau? Berikan alasan dan contoh-contoh jika perlu.

(40 markah)

- (b) Dalam konteks Malaysia, bolehkah kita katakan bahawa undang-undang sedia ada adalah sesuai dengan perasaan orang ramai dan mencerminkan persetujuan am masyarakat Malaysia? Huraikan dengan memberi contoh-contoh tempatan.

(60 markah)

BAHAGIAN B: Pilih SATU soalan dari bahagian ini.

Soalan 2

(a) Beri definisi terma-terma berikut:

- (i) *jus civile* dan *jus gentium*
- (ii) sistem “adversarial” dan sistem “inquisitorial”
- (iii) pencegahan (deterrence) dan pemulihan (rehabilitation).

(30 markah)

(b) Fungsi muktamad undang-undang adalah untuk membantu dalam pencapaian keadilan. Huraikan empat aspek keadilan yang perlu bagi setiap masyarakat mengikut artikel, “Undang-undang dan keadilan” oleh Rosalind Brooke (1979).

(50 markah)

(c) Apakah perbezaan antara keadilan distributif (distributive justice) dan keadilan pembetulan (corrective justice) mengikut Aristotle?

(20 markah)

Soalan 3

(a) Mengikut Perdana Menteri Malaysia, Islam adalah suatu agama yang mementingkan keadilan. Beliau mencadangkan bahawa undang-undang yang digubal oleh pakar undang-undang Islam sebelum ini perlu disemak semula mengikut keperluan semasa jika ia mengakibatkan ketidakadilan (NST, 24 Julai 1996). Bersetujukah anda dengan kenyataan beliau? Berikan alasan.

(40 markah)

(b) Apakah Standard Kebuktian yang digunakan dalam perbicaraan jenayah dan perbicaraan sivil masing-masing?

(20 markah)

(c) Apakah itu undang-undang keterangan dan nyatakan dua jenis keterangan yang tidak dibenarkan di setiap perbicaraan mahkamah. Mengapa?

(20 markah)

(d) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan istilah “facts in issue” dalam sesebuah kes dan apakah kaitannya dengan bukti-bukti yang dikemukakan dalam sesebuah kes.

(20 markah)

BAHAGIAN C: Pilih SATU soalan dari bahagian ini.

Soalan 4

- (a) Nyatakan hierarki sistem mahkamah di Malaysia dan bidangkuasa setiap tahap. (50 markah)
- (b) Seorang pekerja sosial sering kali menerima maklumat berbentuk sulit dari kliennya. Apakah kedudukan undang-undang dari segi maklumat yang timbul daripada hasil perhubungan pekerja sosial-klien? Huraikan keadaan-keadaan di mana seorang pekerja sosial terpaksa mendedahkan sebarang maklumat sulit? (50 markah)

Soalan 5

- (a) Jelaskan perbezaan antara kuasa dengan kewajipan yang diberikan kepada pekerja sosial di sisi undang-undang. Nyatakan dua (2) kuasa umum yang sediada pada pekerja sosial. (30 markah)
- (b) Huraikan tiga (3) jenis laporan yang perlu disediakan oleh seorang pekerja sosial untuk kegunaan mahkamah. (20 markah)
- (c) Mengapakah juvana diberi layanan khas di sisi undang-undang? Apakah Akta-akta yang berhubungkait dengan perbicaraan seorang juvana? (10 markah)
- (d) Bolehkah seorang juvana dibicarakan di mahkamah biasa (contohnya mahkamah tinggi dan lain-lain)? Nyatakan 3 keadaan tersebut. Apakah jenis hukuman yang biasa dijatuhkan dan jarang dijatuhkan ke atas juvana di mahkamah juvana? (40 markah)